

Bil. S 32

**AKTA LEMBAGA BANDARAN
(Penggal 57)**

**UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA BANDARAN
(BANDAR SERI BEGAWAN) (PINDAAN), 2018**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang kecil

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan Undang-Undang Kecil
 3. Peruntukan peralihan dan perkecualian
-

**AKTA LEMBAGA BANDARAN
(Penggal 57)**

**UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA BANDARAN
(BANDAR SERI BEGAWAN) (PINDAAN), 2018**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5 dari Akta Lembaga Bandaran, maka Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dengan ini meluluskan Undang-Undang Kecil yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Undang-Undang Kecil ini boleh digelar sebagai Undang-Undang Kecil Lembaga Bandaran (Bandar Seri Begawan) (Pindaan), 2018 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Akta Lembaga Bandaran (Pindaan), 2016 (S 31/2016).

Pindaan Undang-Undang Kecil

2. Undang-Undang Kecil yang diluluskan oleh Lembaga Kebersihan Pekan Brunei berkuat kuasa dari 1hb Januari 1922 adalah dipinda dengan memansuhkan undang-undang kecil 181(ii) dan (iii).

Peruntukan peralihan dan perkecualian

3. Apa-apa keputusan atau kebenaran yang dibuat atau diberikan oleh Lembaga Bandaran menurut undang-undang kecil 181(ii) dan (iii) yang dimansuhkan itu hendaklah, setakat mana ia tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa pada masa itu berhubung dengan kebenaran papan tanda, dianggap sebagai keputusan atau kebenaran yang dibuat atau diberikan oleh pihak berkuasa yang berkaitan di bawah peruntukan yang bersamaan undang-undang bertulis lain itu.

Diluluskan pada hari ini 3 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 19 haribulan Mei, 2018.

AWANG HAJI ALI BIN MATYASSIN
Pengerusi,
Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Disahkan pada hari ini 26 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 10 haribulan Julai, 2018.

PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA
DATO SERI SETIA (DR.) HAJI AWANG ABU BAKAR BIN
HAJI APONG
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.